

Bab 7

KESIMPULAN

7.1 Ringkasan Keputusan Kajian dan Implikasi

Kajian yang telah dilakukan ini bertujuan untuk melihat kesan FDI ke atas beberapa sektor di dalam ekonomi Malaysia. Dengan penggunaan persamaan serentak kesan FDI ke atas sektor benar, sektor kewangan dan output pengeluaran dikaji. Penggunaan persamaan serentak ini juga secara tidak langsung juga dapat memberi penemuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kemasukan FDI ke Malaysia. Oleh itu, setelah pembolehubah-pembolehubah yang telah dipilih dan dibentuk persamaan, model tersebut telah dianalisis menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil Dua Peringkat (2SLS). Beberapa keputusan regresi telah diperolehi.

Hasil penemuan tersebut menunjukkan penentuan kemasukan FDI ke Malaysia telah dipengaruhi oleh saiz ekonomi, kemudahan mendapatkan pinjaman kredit, kos relatif buruh yang rendah dan darjah kestabilan ekonomi. Walaupun secara umumnya dikatakan saiz ekonomi Malaysia, namun di dalam kajian ini saiz ekonomi masih diambilkira sebagai salah satu faktor penarik kepada kemasukan FDI. Ini kerana kebanyakan output pengeluaran dari firma asing di Malaysia adalah untuk eksport dan pasaran dunia, namun sebahagian daripada barangan keluaran firma asing tersebut adalah untuk pasaran tempatan. Permintaan tempatan yang tinggi dapat menyumbang kepada merangsang kepada lebih banyak kemasukan FDI. Selain daripada itu, faktor GDP yang tinggi menunjukkan kemampuan Malaysia di dalam menyediakan sumber-sumber seperti elektrik dan infrastruktur asas yang lain yang mampu menarik lebih ramai pelabur.

Kebolehan untuk mendapatkan kredit turut menyumbang kepada tarikan FDI ke Malaysia. Pinjaman kredit dari bank tempatan memberi daya tarikan secara langsung dan tidak langsung dalam menarik FDI di mana kebolehan memberikan kredit yang tinggi dianggap sebagai satu insentif kerajaan untuk menarik banyak FDI disamping menunjukkan keupayaan dan pembangunan bank tempatan yang seterusnya memperlihatkan keadaan ekonomi negara. Disamping itu, ia turut membantu pelabur tempatan memberi keyakinan kepada pelabur asing tentang keupayaan modal mereka.

Manakala upah relatif yang rendah masih menjadi faktor penarik yang utama ke Malaysia. Keadaan ini tidak dapat dinafikan, walaupun Malaysia kekurangan tenaga buruh namun keadaan dibaikpulih dengan bantuan tenaga buruh asing terutamanya dari Indonesia dan Bangladesh yang mempunyai kos buruh yang lebih murah berbanding rakyat tempatan. Ini terutamanya di dalam sektor perkilangan yang menjadi kemasukan utama FDI.

Kestabilan ekonomi dan politik yang dikaji juga adalah diantara faktor yang menjadi daya penarik kemasukan FDI perlu diberi perhatian. Dasar kewangan dan fiskal yang konsisten yang telah dijalankan oleh kerajaan telah membolehkan Malaysia mengekal kadar inflasi yang rendah dan memastikan kestabilan ekonomi negara.

Manakala daripada kajian yang telah dilakukan dami Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 mempunyai kesan yang terlampau kecil untuk menjadi faktor penarik utama FDI. Oleh itu, adalah perlu bagi kerajaan melakukan kajian dan meneliti semula ke atas insentif-insentif yang ditawarkan di dalam Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 dan usaha-usaha yang berterusan perlu dilakukan untuk menarik lebih ramai pelabur asing.

Bagi kesan-kesan yang telah dikaji akibat kemasukan telah menunjukkan keputusan yang memberangsangkan kepada ekonomi Malaysia. Kesemua kesan yang dikaji melalui tiga saluran iaitu sektor benar, sektor kewangan dan output pengeluaran. Kesan kemasukan FDI ke atas sektor benar adalah bergantung kepada kesan FDI ke atas pelaburan asing swasta, penggunaan swasta, eksport dan import. Oleh itu, impak kemasukan FDI ke atas sektor benar secara keseluruhan melalui keempat-empat pembolehubah ini.

Sektor kewangan pula telah diwakili oleh pinjaman kredit. Ini kerana pinjaman kredit merupakan ciri yang penting dan mempunyai kesan di dalam kemasukan FDI. Manakala output pengeluaran lebih ditumpukan kepada sektor perkilangan. Sektor ini digunakan kerana tumpuan FDI lebih kepada sektor perkilangan berbanding sektor-sektor lain. Di samping itu, pengeluaran sektor perkilangan dipilih kerana wujud masalah mendapatkan data nilai ditambah pengeluaran sektor-sektor lain disamping menghadkan jumlah pembolehubah untuk kegunaan persamaan serentak.

Secara amnya kemasukan FDI telah memberi kesan yang positif kepada pelaburan swasta tempatan, eksport dan import. Oleh itu, adalah jelas menunjukkan bahawa kemasukan FDI telah memberi impak yang positif kepada sektor benar dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Kesan-kesan yang dibincangkan di dalam kajian ini mempunyai perkaitan diantara satu sama lain. Ini dapat dilihat apabila kesan kemasukan FDI yang menyebabkan peningkatan di dalam eksport negara. Kenaikan di dalam eksport ini seterusnya membantu ekonomi melalui perkembangan yang positif di dalamimbangan perdagangan dan juga memperbaiki akaun semasa. Walau bagaimanapun, di dalam masa

yang sama peningkatan di dalam eksport turut memerlukan import yang tinggi terutamanya untuk input barangan pertengahan untuk sektor perkilangan. Nilai import yang tinggi akan meninggalkan kesan yang buruk terhadap imbalan pembayaran negara. Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini didapati pengaruh kemasukan FDI ke atas eksport adalah lebih besar berbanding ke atas import yang memberikan sedikit petunjuk positif terhadap kesan keseluruhan ke atas ekonomi negara. Hasil keputusan ini juga juga dapat memberi jangkaan bahawa kemasukan FDI telah mewujudkan rangkaian yang baik kepada industri-industri tempatan untuk menjadi pembekal input seperti barang mentah dan barang perantaraan yang mengganti barangan import kepada kepada firma-firma asing. Rangkaian hadapan dan belakang di dalam industri tertentu yang telah berjaya diwujudkan seterusnya menggalakkan lebih ramai penyertaan pelabur-pelabur tempatan di dalam ekonomi terutamanya kepada pelabur industri kecil dan sederhana.

Manakala di dalam pelaburan tempatan pula, FDI sememangnya memberi kesan positif dan menjadi pelengkap kepada peningkatan pelaburan tempatan. Selain daripada hubungan rangkaian yang diwujudkan oleh FDI seperti yang dinyatakan di atas, yang menyebabkan perkembangan di dalam pelaburan asing, kesan lelehan turut membantu di dalam pembangunan pelaburan tempatan. Kesan lelehan seperti kemasukan teknologi asing, kemahiran di dalam pengurusan, kemahiran teknikal dan sebagainya turut meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam pelaburan tempatan. Ini seterusnya memberi kesan positif atau manfaat kepada ekonomi Malaysia.

Perkembangan di dalam kemasukan FDI turut memberi kesan positif kepada pembangunan di dalam sektor kewangan. Kredit pinjaman turut menerima impak secara tidak langsung daripada kemasukan FDI. Hasil daripada kemasukan FDI yang telah

meningkatkan pelaburan swasta tempatan dan telah juga merangsang suasana perniagaan di Malaysia. Daya rangsangan ini dapat meningkatkan lebih banyak pertumbuhan perniagaan dan projek samada secara usahasama diantara firma tempatan dan firma asing atau firma tempatan secara bersendirian. Lebih banyak modal yang diperlukan dan lebih banyak permintaan terhadap pinjaman kredit akan dilakukan. Keadaan ini seterusnya menggalakkan lebih banyak aktiviti di dalam institusi kewangan Malaysia. Ia turut membantu perkembangan di dalam sistem institusi kewangan tersebut untuk menjadi lebih efisien dan inovatif apabila mendapat lebih banyak faedah hasil pemberian pinjaman kredit

Pengaliran masuk FDI tidak dapat dinafikan lagi turut memberi kesan yang besar ke atas output pengeluaran perkilangan. Selain daripada teknologi yang canggih digunakan, kemahiran-kemahiran pengurusan dan teknik serta modal yang banyak telah memberi peluang kepada firma-firma asing untuk memberi kesan ke atas peningkatan yang besar di dalam output pengeluaran perkilangan.

Perkaitan dapat dilihat diantara output perkilangan dan eksport dengan kemasukan FDI iaitu FDI meningkatkan nilai ditambah di dalam output pengeluaran meningkat, ini bermakna permintaan dunia terhadap pengeluaran barangan tersebut meningkat dan seterusnya meningkatkan eksport. Ini kerana dengan kemasukan FDI, pengeluaran barangan selain daripada untuk memenuhi pasaran tempatan, lebih 70% adalah untuk pasaran eksport sesuai dengan dasar orientasi eksport kerajaan dan keutamaan firma asing itu sendiri. Peningkatan output pengeluaran yang menggunakan pengukuran nilai ditambah di dalam kajian ini akan memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara.

Walaupun kesan FDI ke atas ekonomi Malaysia adalah terlalu kompleks untuk diterangkan oleh model makro ekonomi yang ringkas, namun kajian ini telah sedikit sebanyak memberi bukti bahawa kemasukan FDI telah memberi kesan yang besar kepada sektor benar, sektor kewangan dan output pengeluaran. Keputusan dari kajian ini turut menunjukkan wujud banyak kesan tidak langsung hasil daripada kemasukan FDI dan memberi kesan yang positif kepada ekonomi negara. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan Malaysia dalam jangka masa yang terdekat ini amat perlu bergantung kepada kemasukan FDI untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia. Seperti yang telah dibincangkan, ini disebabkan oleh terdapat banyak kesan positif yang wujud secara langsung dan tidak langsung yang memberi impak kepada beberapa sektor ekonomi boleh menjadi elemen asas di dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, di dalam jangka masa panjang disarankan agar tidak hanya bergantung kepada kemasukan FDI sebagai pemangkin ekonomi negara kerana kemasukan FDI juga mempunyai kelemahan yang tersendiri.

7.2 Cadangan

Kesan positif kemasukan FDI telah membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi di negara-negara penerima pelaburan. Walau bagaimanapun, kesan dan sumbangan FDI ke atas ekonomi Malaysia masih lagi kuat bergantung kepada keadaan di negara ini sendiri. Oleh itu, beberapa tindakan perlu diambil untuk memastikan pengaliran masuk FDI berkekalan disamping menarik pelaburan-pelaburan baru. Beberapa perkara perlu diberi perhatian.

Malaysia perlu meneruskan usaha dalam pengliberalisasian polisi yang telah dijalankan dengan lebih giat. Dengan keterbukaan ekonomi Malaysia, polisi-polisi yang dijalankan merupakan insentif di dalam menarik masuk lebih banyak FDI. Ini terutamanya di dalam era globalisasi di mana wujud persaingan yang kuat dari negara pasaran baru seperti India dan China yang menawarkan beberapa tarikan baru sebagai negara penerima pelaburan. Oleh itu adalah Malaysia perlu untuk menyediakan lebih banyak tarikan untuk memastikan negara ini tidak kehilangan pelabur-pelabur asing yang telah membantu di dalam perkembangan ekonomi negara.

Hubungan pelengkap yang wujud di antara kemasukan FDI dan pinjaman kredit. Kemasukan FDI mempengaruhi pinjaman kredit manakala pinjaman kredit turut mempengaruhi kemasukan FDI. Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia untuk membangunkan institusi kewangan tempatan dengan lebih maju lagi. Ini kerana kemajuan dan keutuhan di dalam institusi kewangan dapat menjamin kepercayaan pelabur-pelabur asing untuk terus melabur disini

Selain daripada itu, tahap kemahiran buruh yang sedia ada perlu ditingkatkan. Walaupun di dapati kos relatif yang rendah masih menjadi daya penarik kepada kemasukan FDI namun, keadaan ini mungkin tidak kekal lama. Ini kerana perbezaan penemuan kajian ini dengan kajian yang lepas akibat penggunaan data dari negara yang berbeza telah menunjukkan bahawa negara pelabur seperti Amerika Syarikat lebih mementingkan tenaga buruh yang berkemahiran berbanding yang mempunyai upah relatif yang rendah. Oleh itu, Malaysia tidak hanya boleh bergantung kepada pelaburan masuk dari Jepun sahaja yang masih mengutamakan kos relatif buruh yang rendah tetapi

perlu menarik negara-negara pelabur yang lain juga yang mementingkan buruh berkemahiran.

Akhir sekali, kestabilan ekonomi juga perlu dikekalkan bagi menarik lebih ramai pelabur asing. Tanpa kestabilan ekonomi yang kukuh terutamanya selepas krisis kewangan pada tahun 1997, pelabur-pelabur asing akan meragui keupayaan Malaysia sebagai destinasi yang sesuai dan menguntungkan untuk pelaburan mereka. Keadaan ini akan selanjutnya merugikan dan melemahkan ekonomi Malaysia.